

**PERMOHONAN PENGANGKATAN ANAK :KAJIAN KES  
DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH**

**NOORYASMENSHARINI BINTI ABAS**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

17 September 2019

.....  
Nooryasmensharini Binti Abas

MU1411008T



## **PENGESAHAN**

NAMA :**NOORYASMENSHARINI BINTI ABAS**  
NO MATRIK :**MU1411008T**  
TAJUK :**PERMOHONAN PENGANGKATAN ANAK : KAJIAN KES DI  
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH**  
IJAZAH :**SARJANA SASTERA ( PENGAJIAN ISLAM )**  
TARIKH VIVA :**18HB JULAI 2019**

### **DISAHKAN OLEH**

Tandatangan

#### **1. KETUA JAWATANKUASA PENYELIAAN**

Prof Madya Dr. Suraya Binti Sintang

.....

#### **2. AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN**

Dr Sarip Bin Adul

.....



## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah syukur kepada Allah s.w.t. di atas limpah rahmat ,kasih sayang dan dengan kurniaNya maka kajian dan penulisan ini dapat dilengkapkan. Tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof Madya Dr Suraya Sintang selaku Ketua Jawatankuasa Penyeliaan kepada penulisan tesis ini yang banyak memberikan bantuan, tunjuk ajar dan semangat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr Sarip Adul dan Puan Siti Halimah Putung yang telah banyak membantu.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan buat ibu bapa tersayang Abas Bin Simin dan Fatimah Binti Amat dan abang Alkushahry Bin Abas kerana tidak pernah lupa untuk mendoakan dan memberi semangat kepada saya dalam perjuangan ini.

Jutaan penghargaan kepada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah YA Alidin @ Ahmad Din Bin OKK Othman , YAA Datuk Jasri Bin Matjakir (Mantan Ketua Hakim Syarie Negeri Sabah), Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Syariah Negeri Sabah serta seluruh kakitangan yang banyak membantu dalam memberikan maklumat yang berkaitan dengan kajian saya. Hanya Allah s.w.t sahaja yang membalasbudi dan jasa kalian.

Nooryasmensharini Binti Abas

17 September 2019



**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: **PERMOHONAN PENGANGKATAN ANAK : KAJIAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)**

Saya **NOORYASMENSHARINI BINTI ABAS**, Sesi **2014-2019**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD

  
Disahkan Oleh,  
NURAZLYNNNE MOHD. JOHAN @ JN  
PUSTAKAWAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

  
**NOORYASMENSHARINI BT ABAS**  
**MU1411008T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 18 September 2019

  
Prof. Madya DR. Suraya Sintang  
DDIR. UMS  
(Prof. Madya Dr. Suraya Sintang)  
Penyelia Utama



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRAK**

Pengangkatan anak telah bermula semenjak zaman jahiliyah dan kedatangan Islam telah menjadikan ia didasari dengan hukum syarak. Seiring dengan peredaran zaman pengangkatan anak kini telah diiktiraf melalui perundangan termasuklah di Malaysia. Permasalahan kajian yang ingin dibincangkan ialah, sungguhpun Sabah merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang memberi bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah dalam mengendalikan permohonan Pengangkatan Anak, namun belum ada tatacara di Mahkamah Syariah yang sistematik dan berstruktur dalam mengendalikan perkara ini. Dalam situasi ketiadaan satu panduan khusus mengenainya, tentunya permasalahan lain akan timbul yang melibatkan implikasi pengangkatan anak dalam kes-kes yang diputuskan. Hal ini amat penting dibincangkan bagi mengkaji kekuatan dan kelemahan amalan yang sedia ada. Objektif kajian ini adalah bertujuan mengkaji pengangkatan anak dalam Islam dan amalannya dalam konteks dan situasi masa kini, menjelaskan mekanisme Permohonan Pengangkatan Anak di Malaysia berdasarkan perspektif undang-undang sivil dan syariah dan menganalisis Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah negeri Sabah melalui kajian kes serta implikasinya. Metode kajian adalah berdasarkan kaedah kualitatif dengan menggunakan teknik wawancara bersama informan utama dan analisis kandungan teks daripada kes-kes Mahkamah Syariah. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah induktif dan kaedah komparatif. Hasil kajian menunjukkan Mahkamah Syariah di negeri Sabah sehingga kini belum mempunyai satu peruntukan undang-undang yang khusus terutamanya dari sudut tatacara permohonan dan hanya berpandukan kepada peruntukan mengenai bidangkuasa semata-mata. Kajian ini berupaya memberi sumbangan dalam mencadangkan penambahbaikan dari sudut tatacara permohonan yang sedia ada melalui perbandingan tatacara yang dilaksanakan di Mahkamah Sivil serta peruntukan undang-undang berkaitan kekeluargaan dan kesalahan jenayah syariah di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan pengabaian atau tanpa adanya prosuder yang menyeluruh ini akan menyebabkan implikasi yang lebih besar akan timbul dalam perkara yang berkaitan dengan penentuan nasab, perwalian, pengagihan harta, penjagaan anak dan juga nafkah.



## **ABSTRACT**

### **APPLICATION OF CHILD ADOPTION : CASES STUDY IN SABAH SYARIAH COURTS**

*Child adoption has begun since the days of jahiliyyah and the advent of Islam has made it based on Islamic law. Along with the circulation of child adoption, now it has been recognized through legislation including in Malaysia. The problem of the study to be discussed is, although Sabah is the only state in Malaysia that provides jurisdiction to the Syariah Court in handling the child adoption, yet there is no systematic and structured procedure in the Syariah Court in handling this it. In the absence of a specific guide, of course it may arise other problems involving the child adoption in cases that are decided. It is particularly important to examine the strengths and weaknesses of existing practices. The objective of this study is to study the child adoption in Islam and their practices in the current context and situation, to explain the mechanisms of the child adoption in Malaysia based on the perspective of civil and syariah law, and to analyze the child adoption at the Sabah Syariah Court through the case study and its implications. The methodology of the study was based on qualitative methods by using the interview techniques with key informants and analysis of textual content from Syariah Court cases. The findings were analyzed using the inductive and comparative methods. It shows that in terms of application procedures, the Syariah Court in Sabah has yet to have a specific legal provision and it's based on the provision of jurisdiction solely. To form a complete procedure, a comparison of between existing practice in the Syariah Court has been carried out with the procedure which has been applied in the Civil Courts in handling the Application of Child Adoption. This study attempted to contribute in proposing an improvement of the existing procedure through a comparison of procedures that implemented in the Civil Courts as well as the provision of family law and syariah criminal offenses in Malaysia. The findings of this study shows that abandonment or without this procedure will result in greater implications relating to the determination of nasab, guardianship, inheritance, child care and maintenance.*



## **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xi

### **BAB 1 – PENDAHULUAN**

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Sorotan Literatur	6
1.6 Metodologi Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Susunan Penulisan	14

### **BAB 2 - PENGANGKATAN ANAK DALAM ISLAM DAN AMALANNYA DALAM KONTEKS SITUASI MASA KINI**

2.1 Pengenalan	17
2.2 Definisi Anak Angkat	18
2.3 Sejarah Pengangkatan Anak dalam Islam	19
2.4 Kesan-kesan Pengangkatan Anak dalam Islam	23
2.4.1 Nasab	23
2.4.2 Perwarisan Harta	25
2.4.3 Perwalian	30
2.4.4 Mahram dan Batasan Aurat	32



2.5	<i>Al Laqith</i>	41
2.6	Amalan Pengangkatan Anak Pada Masa Kini	44
2.7	Isu Pengangkatan Anak di Malaysia	51
2.8	Kesimpulan	54

**BAB 3 - PENGANGKATAN ANAK DI MALAYSIA BERDASARKAN PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG**

3.1	Pengenalan	55
3.2	Akta Kanak-Kanak 2001	67
3.3	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak ( CRC )	60
3.4	Mekanisme Pengangkatan Anak	62
3.4.1	Pengangkatan Anak Melalui Perintah Mahkamah	63
3.4.1.1	Pengangkatan Anak Melalui Perintah Mahkamah Civil	63
3.4.1.2	Pengangkatan Anak Melalui Perintah Mahkamah Syariah	68
3.4.1.3	Pengangkatan Anak melalui Perintah Mahkamah Anak Negeri	74
3.4.2	Pengangkatan Anak Melalui Jabatan Pendaftaran Negara	76
3.4.3	Pengangkatan Anak Melalui Pejabat Daerah	80
3.5	Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam Permohonan Pengangkatan Anak di Malaysia	83
3.6	Kesimpulan	88

**BAB 4 - KAJIAN KES PERMOHONAN PENGANGKATAN ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH**

4.1	Pengenalan	90
4.2	Kajian Kes Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	91
4.2.1	Permohonan Pasangan Suami Isteri	91
4.2.2	Permohonan Individu Bujang	94



4.3	Implikasi Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	97
4.3.1	Nasab	97
4.3.2	Perwalian	98
4.3.3	Perwarisan Harta	100
4.3.4	<i>Hadhanah</i>	115
4.3.5	Nafkah	110
4.4	Perintah Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah	113
4.5	Kekuatan dan Kelemahan Amalan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	114
4.5.1	Kekuatan Amalan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	115
4.5.2	Kelemahan Amalan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	115
4.6	Isu dan Cabaran Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah	122
4.7	Kesimpulan	126
<b>BAB 5 - KESIMPULAN</b>		
5.1	Kesimpulan	127
5.2	Cadangan Penambahbaikan Amalan Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	128
<b>RUJUKAN</b>		131
<b>LAMPIRAN</b>		138

## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 1.1      Carta kanak-kanak yang memerlukan pemerliharaan dan perlindungan mengikut jantina, 2014-2016	3



## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman	
Lampiran A	Borang Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	138
Lampiran B	Perintah Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	144
Lampiran C	Laporan Sulit oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah	150



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Amalan pengangkatan anak telah bermula semenjak zaman jahiliyyah iaitu sebelum kedatangan Islam. Pengangkatan anak ketika itu adalah pengangkatan yang berdasarkan peraturan sendiri dan sewenang-wenangnya. Sesiapapun bebas mengambil anak angkat dan disamatarafkan dengan anak sendiri. Walaubagaimanapun amalan pengangkatan anak ini lebih teratur dengan kedatangan Islam yang telah mengharamkan beberapa amalan yang jelas salah di sisi hukum syarak.

Amalan pengangkatan anak di Malaysia bukan suatu fenomena yang asing ataupun jarang berlaku. Sebaliknya ia adalah salah satu alternatif yang dijadikan pilihan oleh pasangan yang tidak mempunyai zuriat untuk merasai pengalaman menimang cahaya mata. Malahan individu yang belum berkahwin juga kebelakangan



ini semakin berminat untuk mengambil anak angkat dengan alasan dapat menghiburkan hati di kala sunyi.<sup>1</sup>

Peredaran zaman telah menjadikan pengangkatan anak didasari dengan beberapa peruntukan undang-undang. Ia adalah bertujuan menjaga kebijakan setiap pihak yang terlibat samada ibu bapa angkat, ibu bapa kandung mahupun anak angkat itu sendiri. Ini menjadikan proses pengangkatan anak menjadi lebih teratur dan diiktiraf di sisi undang-undang tempatan.

Isu pengangkatan anak di Malaysia pada masa kini semakin mendesak. Salah satu faktornya adalah disebabkan laporan anak terbuang atau anak yang dijumpai di mana-mana tempat di Malaysia meningkat saban tahun. Ini dapat dibuktikan melalui statistik dari tahun 2010 sehingga 2016. Sebanyak 91 dan 98 kes dilaporkan pada tahun 2010 dan 2011. Kemudian pada tahun 2012 jumlah kes telah menurun kepada 89 kes. Walaubagaimanapun, pada tahun 2013 mencatatkan 90 kes pembuangan bayi, meningkat kepada 103 kes pada tahun 2014, 111 kes pada tahun 2015 dan seterusnya 115 kes pada tahun 2016. Selangor mencatatkan jumlah kes paling tertinggi diikuti Sabah, Johor, Kuala Lumpur dan Sarawak.<sup>2</sup>


Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaporkan sebanyak 8514 kanak-kanak perempuan memerlukan pemeliharaan dan perlindungan sepanjang tahun 2014 sehingga 2016. Manakala kanak-kanak lelaki pula adalah sebanyak 5183 orang dan jumlah keseluruhan untuk kanak-kanak perempuan dan lelaki adalah 13697 orang.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>Kosmo, Prosedur Permohonan Anak Angkat. 7hb November 2008.

<sup>2</sup>[www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), 697 Kes Pembuangan Bayi Dilaporkan Antara Tahun 2013-2016, 25hb Julai 2017.

<sup>3</sup>Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016



**Jadual 1.1 : Carta Kanak-Kanak Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan Mengikut Jantina, 2014-2016**

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016

Peningkatan jumlah kes pembuangan bayi dan keperluan kepada perlindungan kanak-kanak ini secara tidak langsung menuntut keperluan kepada pengangkatan anak secara sah berlandaskan undang-undang sebagai alternatif penyelesaian kepada permasalahan ini terus berleluasa. Maka kajian ini perlu untuk meneliti amalan pengangkatan Anak di Malaysia khususnya di Mahkamah Syariah di negeri Sabah melalui kajian terhadap kes-kes yang telah diputuskan bagi memastikan wujud satu garis panduan yang menyeluruh dalam memastikan kebajikan kanak-kanak yang memerlukan serta ibu bapa yang berhasrat kepada pengangkatan anak.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Secara ringkasnya, amalan pengangkatan anak di Malaysia didasari atas beberapa peruntukan undang-undang. Akta Pengangkatan 1952 ( Akta 257 ) dan juga Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 ( Akta 253 ) merupakan dua sumber undang-undang yang digunakan bagi Permohonan Pengangkatan Anak di Semenanjung Malaysia. Akta 257 terpakai kepada orang bukan Islam di Semenanjung Malaysia manakala Akta 253 pula terpakai kepada orang bukan Islam dan juga turut terpakai kepada orang Islam. Sungguhpun akta ini boleh terpakai kepada orang Islam, ianya adalah terhad kepada orang Islam yang menetap di Semenanjung Malaysia sahaja.

Bagi negeri Sarawak peruntukan undang-undang yang terpakai adalah Ordinan Anak Angkat Bab 91. Ordinan ini terpakai kepada orang Islam dan orang bukan Islam.

Permohonan Pengangkatan Anak di Sabah pula undang-undang yang terpakai adalah Ordinan Pengangkatan tahun 1960 dan Peraturan Pengangkatan tahun 1961. Walaubagaimanapun, kedua-dua peruntukan undang-undang ini hanya terpakai kepada orang bukan Islam sahaja. Orang Islam yang ingin membuat Permohonan Pengangkatan Anak hendaklah membuat permohonan di Mahkamah Syariah.

Sungguhpun bidang kuasa untuk menerima dan memutuskan Permohonan Pengangkatan Anak oleh orang Islam di Sabah adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah tetapi masih belum ada peruntukan undang-undang bertulis yang menjadi garis panduan yang boleh dirujuk sebagaimana di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah mencatatkan sebanyak 598 Permohonan Pengangkatan Anak telah difaiklan di Mahkamah Syariah negeri Sabah semenjak tahun 2014 sehingga November 2017 dan jumlah ini adalah suatu jumlah yang amat menggalakkan.<sup>4</sup>

Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah hanyalah berdasarkan kepada peruntukan yang telah termaktub di dalam Seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah semata-mata dan ia hanyalah merujuk kepada bidangkuasa sahaja dan tidak menyentuh mengenai tatacara mahupun implikasi yang timbul dari permohonan tersebut. Persoalan kajian yang ingin dibincangkan apakah tatacara Permohonan Pengangkatan Anak yang diamalkan di Mahkamah Syariah dalam situasi belum wujud satu panduan khusus mengenainya dan apakah implikasi Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah daripada kes-kes yang telah diputuskan?

Hal ini penting dibincangkan bagi mengkaji hukum Islam dalam membenarkan pengangkatan anak, mendapatkan penjelasan apakah mekanisme Permohonan Pengangkatan Anak yang diaplikasikan di Malaysia dari perspektif undang-undang sivil dan syariah dan seterusnya menganalisis apakah implikasi Permohonan Pengangkatan Anak yang diputuskan di Mahkamah Syariah negeri Sabah dari pelbagai sudut. Secara tidak langsung ia dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan amalan yang sedia ada dalam rangka mencadangkan penambahbaikan dari sudut tatacara, pelaksanaan undang-undang berkaitan kekeluargaan dan kesalahan jenayah syariah berkaitan anak

---

<sup>4</sup>Laporan Statistik Permohonan Pengangkatan Anak, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah, 2017.

angkat dan seterusnya mengkaji implikasinya dari konteks perundangan syariah. Ketiadaan panduan khusus yang menyeluruh dari sudut prosedur dan implikasi akan menyebabkan ruang-ruang kepada pengabaian kebijakan kanak-kanak yang dijadikan anak angkat dari pelbagai sudut seperti keperluan kepada tanggungjawab melindungi, nasab, nafkah dan juga perwarisan harta.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan mengkaji kes-kes Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah negeri Sabah. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini akan menjelaskan objektif berikut :

- 1.3.1 Mengkaji pengangkatan anak dalam Islam dan amalannya dalam konteks dan situasi masa kini;
- 1.3.2 Menjelaskan mekanisme Permohonan Pengangkatan Anak di Malaysia berdasarkan perspektif undang-undang sivil dan syariah;
- 1.3.3 Menganalisis implikasi Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah negeri Sabah melalui kajian kes.

### **1.4 Skop Kajian**

Terdapat pelbagai isu yang diketengahkan dalam Permohonan Pengangkatan Anak namun kajian ini secara khusus mengkaji mengenai amalan Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah negeri Sabah dan implikasinya dalam konteks undang-undang dari sudut nasab, perwalian, perwarisan harta, hak penjagaan dan nafkah. Peruntukan undang-undang yang menjadi rujukan di dalam mengkaji implikasi Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah adalah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sabah 2004. Selain itu kajian ini juga turut mengenalpasti kekuatan dan kelemahan amalan pengangkatan anak di Mahkamah Syariah negeri Sabah pada masa kini.

Skop perbincangan melibatkan kes-kes Permohonan Pengangkatan di Mahkamah Syariah negeri Sabah sahaja dan peringkat mahkamah yang berbidangkuasa untuk menerima dan memutuskan Permohonan Pengangkatan Anak adalah Mahkamah Tinggi Syariah. Terdapat lima Mahkamah Tinggi Syariah di seluruh negeri Sabah dan bagi kajian ini mahkamah yang terlibat adalah Mahkamah Tinggi Syariah di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Lokasi ini dipilih kerana ketiga-tiga Mahkamah Tinggi di daerah ini mencatatkan pendaftaran kes yang tertinggi pada setiap tahun.

Manakala bagi implikasi-implikasi pengangkatan anak pula melibatkan kes-kes yang telah dilaporkan dalam Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia termasuklah yang diputuskan di Mahkamah Syariah negeri Sabah iaitu di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Kes-kes yang terlibat adalah Tuntutan Hak Penjagaan Anak (*Hadhanah*), Tuntutan Nafkah Semasa Anak, Permohonan Pembahagian Harta Pusaka dan Permohonan Kebenaran Kahwin Berwalikan Hakim.

## 1.5 Sorotan Literatur

Isu pengangkatan anak sememangnya telah menjadi perhatian para pengkaji di luar negara dan juga di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa kajian terhadap pengangkatan anak dalam Islam yang telah banyak dikupas dalam kitab-kitab tulisan ulama-ulama terkenal. Mahmud Saltut<sup>5</sup> mengupas mengenai sejarah amalan pengangkatan anak sebelum Nabi Muhammad s.a.w diangkat menjadi Rasul. Ulama kontemporari Yusuf al-Qardawi<sup>6</sup>pula membincangkan mengenai sejarah pengangkatan anak zaman jahiliah dan penghapusan amalannya yang bercanggahan dengan ajaran Islam. Manakala Wahbah al-Zuhayli<sup>7</sup> secara khusus meneliti kesan-kesan menjadikan anak terbuang (*al laqith*) sebagai anak angkat dalam Islam. Tulisan ulama-ulama terkenal ini dijadikan sebagai rujukan di dalam kajian ini memandangkan kajian ini turut mengkaji mengenai sejarah pengangkatan anak di

<sup>5</sup>Mahmud Saltut, *at Fattawa*, Mesir : Dar al Qalam, 1964.

<sup>6</sup>Yusuf Al Qardhawi, *al Halal Wa al Haram Fi al Islam*, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1980.

<sup>7</sup>Al Zuhaili, Wahbah, *Al Fiqh Al Islam Wa Adillatuh*, Jilid 5, Beirut: Dar al Fikr, 1989.

zaman jahiliyyah dan setelah kedatangan Islam terutamanya dari sudut penghapusan amalan-amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Penulisan Pengangkatan anak dalam Islam tidak terhenti setakat dalam kalangan ulama-ulama terdahulu malahan telah banyak dibincangkan di dalam penulisan-penulisan moden. Haedah Faradz<sup>8</sup> dan Munadi Usman<sup>9</sup> dalam membincangkan pengangkatan anak dalam Islam merumuskan bahawa pengangkatan anak di sisi Islam tidak sama sekali memutuskan hubungan di antara ibu bapa kandung dan anak. Pengangkatan merupakan hukum *hadhanah* atau pemeliharaan anak yang diperluaskan hukumnya dan tidak mengubah hukum nasab. Malahan ibu bapa angkat juga tidak menjadikan anak angkat sebagai anak kandung ataupun disamakan haknya dari segi hukum syarak dengan anak kandung. Tetapi ibu bapa angkat perlu memberikan sepenuh kasih sayang kepada anak angkat dan menjaga kebijakan mereka.

Dalam konteks kajian ilmiah di Malaysia hanya terdapat kajian mengenai tatacara permohonan Pengangkatan Anak di bawah peruntukan Akta Pengangkatan 1952 dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, Ordinan Anak Angkat 1960 di Sabah dan Ordinan Anak Angkat Bab 91 di Sarawak sebagaimana yang ditulis oleh Shamsuddin<sup>10</sup> dan Nurzan<sup>11</sup> iaitu kesemua peruntukan tersebut tidak terpakai kepada orang Islam di negeri Sabah yang berhasrat untuk membuat permohonan pengangkatan anak.

Kamala Bhaie<sup>12</sup> menerangkan mengenai prosedur Permohonan Pengangkatan Anak di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Beliau juga turut memasukkan kesan Permohonan Pengangkatan Anak dari segi perundangan sebagai contoh kes Re Loh Toh Met ( si mati ) : Kong Lai Fong & lain-lain lawan Loh Peng Heng<sup>13</sup> yang mana si mati mempunyai ramai anak angkat yang diambil secara pengangkatan yang

<sup>8</sup>Haedah Faradz, Pengangkatan Anak Menurut Hukum Islam, *Jurnal Dinamika Hukum*. 9(2), 2009, hlm.153-159.

<sup>9</sup>Munadi Usman, Adopted Children and The Right of Civilization According to the Qur'an, Quranica, *International Journal of Quranic Research*, Jilid 10, 2018, hlm.27-40.

<sup>10</sup>Shamsuddin Suhor, *AnakAngkat dan Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

<sup>11</sup>Nurzan Mohd Wahie, *Pengangkatan Anak, Nikmat atau Derita Bagi Anak Angkat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

<sup>12</sup>Kamala Bhaie, *Family Law in Malaysia*. Petaling Jaya : Lexis Nexis, 2009.

<sup>13</sup> ( 1961 ) 27 MLJ 234.

terdapat di dalam adat Cina dan anak-anak tersebut tidak berhak untuk mewarisi harta daripada tanah peninggalan si mati. Ini adalah kerana pengangkatan anak-anak tersebut tidak dibuat melalui Ordinan Pengangkatan 1952. Manakala di dalam kes Re TSY<sup>14</sup>( anak yang diangkat ) menyatakan kesan daripada pengangkatan anak telah menafikan hak perundangan di antara anak angkat dan ibu bapa kandungnya dan menjadikan ia seperti anak kandung kepada ibu bapa angkatnya.

Selain daripada kajian mengenai prosedur permohonan pengangkatan anak, terdapat juga kajian yang menyentuh mengenai keperluan terhadap satu peruntukan undang-undang khusus mengenai pengangkatan dalam Islam. Engku Muhammad Tajuddin<sup>15</sup>berpendapat perlu ada satu peruntukan undang-undang khas mengenai Pengangkatan Anak bagi orang Islam di Malaysia. Ini kerana peruntukan yang ada tidak menepati garis panduan yang ditetapkan oleh syariat Islam dalam membolehkan pengangkatan yang sebelum ini diharamkan di dalam Islam boleh dijalankan melalui kaedah *masalih al mursalah*.<sup>16</sup>Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 yang terpakai kepada orang Islam di Semenanjung Malaysia juga tidak dapat memenuhi keperluan pengangkatan dalam Islam sebaliknya hanya lebih menjurus kepada kuasa Ketua Pendaftar dan Pendaftar, kuasa dan perlantikan mereka dan kesalahan-kesalahan yang berlaku semasa proses pendaftaran sahaja. Sedikit sahaja peruntukan yang menekankan mengenai kebajikan anak angkat.

Selain itu, Shamsuddin<sup>17</sup> menyatakan bahawa di dalam Akta Pengangkatan 1952, Ordinan Anak Angkat Sarawak dan Ordinan Anak Angkat Sabah telah memberi kesan yang besar kepada pengangkatan anak iaitu peruntukan-peruntukan ini telah menafikan hak di antara bapa kandung dengan anak kandung. Pindaan yang dibuat di dalam Akta Pengangkatan 1952 sebenarnya telah menafikan hak seorang anak angkat daripada mengetahui ibu bapa kandungnya seolah-olah menunjukkan ibu bapa

---

<sup>14</sup> ( 1988) 3 MLJ 44.

<sup>15</sup>Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Kelemahan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 ( Akta 253 ) dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dalam Menangani Keperluan Pengangkatan, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Vol 5, 2011, hlm.27-40.

<sup>16</sup>Abdul Karim Zaidan dalam *al Wajiz Fi Usul al Fiqh*mendefinisikan maslahah sebagai pencarian terhadap manfaat dan penolakan terhadap kemudharatan. Maslahah yang tidak dinyatakan penerimaan atau penolakannya oleh syarak disebut sebagai *al masalih al mursalah*.

<sup>17</sup>Shamsuddin Suhor, *Anak Angkat dan Pengangkatan: Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia Undang-Undang Keluarga Sivil* , Jilid 9, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

kandung tidak mempunyai hubungan langsung dengan anak kandung mereka sendiri sedangkan di dalam Islam ibu bapa kandung tidak boleh dinafikan haknya sebagai ibu bapa kandung.

Azizah<sup>18</sup> pula mengambil contoh daripada kes *Rokiah Iwn Mohamed Idris*<sup>19</sup> dalam menunjukkan kelemahan undang-undang yang terpakai yang melibatkan anak angkat. Di dalam kes ini mahkamah secara tidak langsung menafikan hak anak angkat yang berumur 14 tahun untuk mendapatkan nafkah daripada bapa angkatnya yang telah menceraikan ibu angkatnya. Yang Arif Hakim telah menolak tuntutan supaya bapa angkat membayar nafkah terhadap anak angkat pasangan tersebut. Ini jelas menunjukkan undang-undang yang sedia ada tidak melindungi hak anak angkat sedangkan ruh utama dalam pengambilan anak angkat ini adalah untuk menjaga kebijakan anak angkat.

Menyentuh mengenai implikasi pengangkatan anak di dalam Islam, Zanariah Noor<sup>20</sup> <sup>21</sup> ada membincangkan mengenai implikasi pengangkatan anak terhadap nasab, *hadhanah*, nafkah dan pusaka dalam Islam. Perebutan hak *hadhanah* apabila berlaku perceraian adalah satu isu yang bukan sahaja melibatkan hak ibu bapa malahan turut membabitkan hak dan kebijakan anak. Beliau mencadangkan agar kes-kes *hadhanah* ini perlu diberi keutamaan oleh mahkamah untuk penyelesaian segera. Ini bersesuaian dengan prinsip kebijakan kanak-kanak yang dipegang oleh mahkamah dalam menjaga kebijakan kanak-kanak. Pendedahan kanak-kanak terhadap konflik yang berterusan akan menyebabkan kesan negatif terhadap perkembangan jiwa mereka. Walaubagaimanapun beliau tidak ada menyentuh mengenai pemakaian undang-undang Islam yang terdapat di negeri Sabah.

Perbincangan terhadap pengangkatan anak ini juga tidak dapat lari daripada membincangkan mengenai *al laqith* ataupun anak yang terbuang di Malaysia. Mohd

---

<sup>18</sup>Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia A Comparative Overview with Islamic Law*, Selangor : International Law Book Services, 2007.

<sup>19</sup>( 1986 ) 6 JH 272.

<sup>20</sup>Zanariah Noor,Aplikasi Prinsip Kebajikan Kanak-Kanak Dalam Kes Hadanah, *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Vol 2, 2010,hlm.63-81.

<sup>21</sup>Zanariah Noor, Pengangkatan Anak serta Implikasinya Terhadap Nasab, Hadanah, Nafkah dan Pusaka dalam Undang-undang Keluarga Islam,*Jurnal Perspektif*, Special Issue 1, 2017, hlm.101-115.

Alimin<sup>22</sup> di dalam kajian sarjananya bertajuk Kedudukan dan Perlindungan Hak Anak Buangan ( *al laqith* ) Menurut Undang-Undang Islam dan Masyarakat di Malaysia membincangkan khusus mengenai *al laqith* merumuskan bahawa walaupun perlindungan kanak-kanak *al laqith* termaktub di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, Akta Kanun Keseksaan ( Akta 574 ) dan Akta Pusat Jagaan ( Akta 506 ) namun kedudukan dan perlindungannya tidak termaktub di dalam mana-mana undang-undang Islam semasa iaitu undang-undang syariah negeri-negeri sedangkan ia telah banyak dibincangkan di dalam kitab-kitab feqah.Justeru itu gesaan perlu dibuat dalam mewujudkan perlindungan *al laqith* dari persepektif undang-undang Islam.

Selain itu, Zanariah Noor<sup>23</sup> mengatakan perlindungan kanak-kanak dari perspektif undang-undang Islam adalah berbeza daripada undang-undang sivil. Undang-undang sivil meletakkan skop yang lebih luas iaitu penderaan kanak-kanak diklasifikasi sebagai kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman yang berat kepada ibu bapa atau penjaga. Manakala di dalam undang-undang Islam ia lebih terbatas iaitu dalam kes tertentu apabila dipertimbangkan hanya akan menggugurkan hak *hadhanah* dan hak akses ibu bapa atau penjaga terhadap kanak-kanak. Azizah<sup>24</sup>pula berpendapat bahawa kebijakan anak angkat bukan Islam adalah dijamin dari pelbagai peruntukan undang-undang namun tidak ada peruntukan khusus yang secara jelas melindungi hak anak angkat beragama Islam.

Menurut Mohammad Ramzi<sup>25</sup>, pensabitan hukuman di atas kecuaian dan pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak di dalam Islam masih tidak disentuh di dalam enakmen syariah negeri-negeri. Namun, pensabitan hukuman kesalahan ini boleh ditentukan oleh pemerintah atau kuasa hakim merujuk kepada konsep siyasah

<sup>22</sup>Mohd Alimin Bin Alias, *Kedudukan dan Perlindungan Hak Anak Buangan ( al Laqit ) Menurut Undang-Undang Islam dan Masyarakat di Malaysia*, Tesis Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2011.

<sup>23</sup>Zanariah Noor, Penderaan Kanak-kanak oleh Ibu Bapa Penjaga dan Implikasinya Mengikut Undang-undang Sivil dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, *Jurnal Perspektif*, Jilid 7, 2015, hlm.66-80.

<sup>24</sup>Azizah Mohd, Protection of Rights of Adopted Children in Relation to Duties of Adoptive Parents under the Law in Malaysia, *Adoption Quarterly*, 14 (4), 2011, hlm.229-245.

<sup>25</sup>Mohammad Ramzi Zakaria, Kecuaian dan Pengabaian Kanak-Kanak oleh Ibu Bapa : Kedudukannya di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Prinsip Syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, Volume 19, 2015, hlm.37-49.

syariah. Merujuk pada konsep siasah syariah, pensabitan pelaksanaan hukuman ta'zir adalah hukuman yang perlu dikenakan ke atas ibu bapa yang melakukan kesalahan kecuaian dan pengabaian terhadap kanak-kanak. Hal ini merujuk kaedah fiqhiyyah iaitu يُحتمل الصَّرْرُ الْخَاصُ لِدَفْعِ الضَّرَرِ الْعَامُ yang bermaksud bahaya khusus ditanggung untuk mencegah bahaya umum. Ia menjelaskan bahawa walaupun kecuaian dan pengabaian ini merupakan satu skop yang khusus dan bukan satu kesalahan jenayah, tetapi tindakan dan perbuatan ini boleh berubah menjadi satu kesalahan jenayah apabila perkara tersebut menyentuh prinsip utama dalam Islam iaitu nyawa, maka secara tidak langsung, pemerintah boleh mengambil tindakan dengan kuasa keadilannya dengan merujuk keterangan-keterangan dan bukti yang diberikan.

Kajian mengenai pengangkatan anak sememangnya telah dijalankan dalam pelbagai aspek. Namun sehingga ini belum ada kajian mengenai Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah negeri Sabah secara khusus. Oleh yang demikian, kajian ini membincangkan mengenai amalan Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah negeri Sabah dan mengenalpasti implikasinya daripada konteks perundangan. Kajian yang sedia ada akan dijadikan rujukan dalam mengenalpasti kekuatan dan kelemahan amalan perundangan yang digunakan masa kinian seterusnya mencadangkan penambahbaikan terutamanya dalam usaha mewujudkan peruntukan undang-undang khusus yang menjaga kepentingan anak angkat dalam Islam.

## 1.6 Metode Kajian

Metode kajian yang digunakan di dalam penulisan ini adalah secara kualitatif. Metode ini dipilih adalah kerana kaedah ini berupaya untuk mengenalpasti secara khusus mengenai tatacara dan implikasi Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah negeri Sabah. Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Penganalisaan data dilakukan daripada sumber-sumber yang telah dikumpulkan seperti kitab-kitab fiqh, akta dan enakmen, buku, jurnal, laporan kes-kes mahkamah Syariah di negeri Sabah, keratan akhbar dan

hasil wawancara. Kajian terhadap sumber-sumber telah dijalankan di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan juga Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah. Kajian secara atas talian turut dijalankan melalui *e journal* dan *e book*.

Seterusnya adalah kaedah wawancara mendalam bersama 6 orang *key informants* yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah, Timbalan Pendaftar dan Pembantu Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Peguam Syarie dan Pegawai Perkhidmatan Kebajikan Am. Wawancara bersama *key informants* ini amat penting dalam mendapatkan maklumat yang lebih sahih serta pengalaman mereka mengenai Permohonan Pengangkatan Anak dari segenap aspek terutamanya aspek mahkamah sebagai agensi yang berbidangkuasa menerima dan memutuskan Permohonan Pengangkatan Anak, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah sebagai agensi yang bertanggungjawab membuat siasatan terhadap pemohon dan anak angkat serta peguam sebagai pengamal undang-undang. Teknik wawancara adalah secara separa berstruktur dan ini adalah bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk membuat penerangan dengan lebih mendalam.

Kaedah penganalisaan data dalam kajian ini adalah kaedah induktif. Data-data terkumpul bersifat khusus akan disimpulkan secara umum bagi menjelaskan kepentingan wujudnya prosedur khusus dan sistematik mengenai Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah bagi memastikan hak semua pihak terjamin sama ada daripada pihak anak angkat, keluarga kandung maupun keluarga angkat. Analisis secara induktif ini juga dilihat bersesuaian bagi mendapatkan rumusan secara menyeluruh mengenai implikasi daripada ketiadaan prosedur khusus mengenai Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah.

Analisis data juga turut menggunakan kaedah komparatif bagi membandingkan Permohonan Pengangkatan Anak di Mahkamah Syariah dan agensi-agensi lain iaitu Mahkamah Sivil, Mahkamah Anak Negeri, Jabatan Pendaftaran dan juga Pejabat Daerah. Perbandingan akan dikaji dari sudut prosedur dan juga implikasi yang wujud daripada Permohonan Pengangkatan Anak. Kaedah komparatif amat penting dan sesuai

## **RUJUKAN**

- Al-Quran al-Karim. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. 2001. Kuala Lumpur : Dar al Fikr.
- Abu Husein, Muslim. 1992. *Sahih Muslim* . Jil. 2. Istanbul: Cagri Yayınlari.
- Abu 'Isa , al-Tirmidhi. 2010. *Sunan al-Tirmidhi*. Riyad: Dar Tuwayq.
- Ahmad Ibrahim. 1999. *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Selangor : Malayan Law Jurnal.
- Al Mughniyyah, Jawad. 2011. *Fiqih Lima Mazhab*, Jakarta : Lentera.
- Al Qardhawi, Yusuf. 1980. *al Halal Wa al Haram Fi al Islam*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al Qardhawi, Yusuf. Terjemahan Zulkifli al Bakri. 2014. *Fiqh Perkahwinan : Halal dan Haram*. Kuala Lumpur : Ana Muslim Sdn Bhd.
- Al Qazwainiy, Ibnu Majah. 1996. *Sunan Ibnu Majah*. Beirut :Dar al Ma'rifah.
- Al-Syalabiyy, Muhammad Mustafa.1978. *Ahkam al-Mawarith bayna al-Fiqh wa al-Qanun*. Beyrut. Dar al-Nahdah al- Arabiyyah.
- Al Syarbini, al Khatib.1997. *Mughni al Muhtaj*. Juz 2. Lebanon: Dar al Fikr.
- Al Zuhaili, Wahbah. 1986. *Usul Fiqh al Islami*, Jilid 3. Beirut: Dar al Fikr.
- Al Zuhaili, Wahbah. 1989. *Al Fiqh Al Islam Wa Adillatuh*. Jilid 5. Beirut: Dar al Fikr.
- Anas, Malik. 1992. *al-Muwatta'* . Jilid 20. Cetakan Kedua. Beirut: Darl al Gharb al Islami.
- Azizah Mohd. 2007. *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia A Comparative Overview with Islamic Law*. Selangor : International Law Book Services.
- Azizah Mohd. 2011. Protection of Rights of Adopted Children in Relation to Duties of Adoptive Parents under the Law in Malaysia. *Adoption Quarterly* , 14 (4). 229-245.
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 1998. *Sahih Bukhari*. Beirut : Dar al Kutub al Ilmiyah.
- Dina Imam. 2018. Akta Kanak-Kanak ( Pindaan ) 2016 : Peningkatan Penalti, *Kanun : Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Jilid 30 Bil 2, 424-442.
- Engku Muhamad Tajuddin Engku Ali. 2011. Kelemahan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 ( Akta 253 ) dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang

Keluarga Islam Negeri dalam Menangani Keperluan Pengangkatan, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, Vol 5, 27-40.

Haedah Faradz. 2009. Pengangkatan Anak Menurut Hukum Islam. *Jurnal Dinamika Hukum*. 9 (2), 153-159.

H. Mahmud Yunus. 1973. *Kamus Arab-Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsiran Al Quran.

Ibn Hibban, Muhammad. 1988. *al-Ihsan Fi Taqrib Sahih Ibn Hibban* , Beirut: Muassasah al Risalah.

Ibn Qudamah, Abdullah, 1997. *Al Mughni*. Beirut : Alam al Kutub.

Jal Zabdi Mohd Yusoff dan Zulazhar Bin Tahir. 2005. Akta Kanak-Kanak 2001 : Penguatkuasaan Semula Tugas dan Tanggungjawab Ibu Bapa atau Penjaga. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, Isu No 1 Jilid 32. www.commonlii.org. 25hb November 2016.

*Jurnal Hukum*. 1986. Jilid 1. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia : Percetakan Nasional Berhad.

*Jurnal Hukum*. 1979. Jilid 1. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia : Percetakan Nasional Berhad.

*Jurnal Hukum*. 2001. Jilid 14. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia : Percetakan Nasional Berhad.

*Jurnal Hukum*. 2002. Jilid 15. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia : Percetakan Nasional Berhad.

*Jurnal Hukum*. 2004. Jilid 20. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia : Percetakan Nasional Berhad.

Kamala Bhaie . 2009 . *Family Law in Malaysia*. Petaling Jaya : Lexis Nexis.

*Kamus Dewan Edisi ke-Empat*. 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saltut Mahmud. 1964. *At Fattawa*. Mesir : Dar al Qalam.

*Malayan Law Journal*. 1951. Kuala Lumpur : Lexis Nexis Sdn Bhd.

*Malayan Law Journal*. 1980. Kuala Lumpur : Lexis Nexis Sdn Bhd.

*Malayan Law Journal*. 1989. Kuala Lumpur : Lexis Nexis Sdn Bhd.

Mimi Kamariah Majid. 1999. *Family Law In Malaysia: Adoption*. Selangor: Malayan Law Journal Sdn Bhd.

- Mohamad Fuad Fakhrudin. 1991. *Masalah Anak Angkat Dalam Hukum Islam*. Jakarta : Pedoman Ilmu Jaya.
- Mohammad Ramzi Zakaria. 2015. Kecuaian dan Pengabaian Kanak-Kanak oleh Ibu Bapa : Kedudukannya di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Prinsip Syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Volume 19, 37-49.
- Mohd Alimin Bin Alias. 2011. *Kedudukan dan Perlindungan Hak Anak Buangan ( al Laqit ) Menurut Undang-Undang Islam dan Masyarakat di Malaysia*. Tesis Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Munadi Usman . 2018. Adopted Children and The Right of Civilization According to the Qur'an. *Quranica. International Journal of Quranic Research*. Jilid 10, 27-40.
- Nor Asyikin Binti Hamzah. 2018. *Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia : Kajian dari Perspektif Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Nurzan Mohd Wahie. 2004. *Pengangkatan Anak, Nikmat atau Derita Bagi Anak Angkat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Jantan. 2001. *Pedoman Muamalat dan Munakahat*. Singapura : Pustaka Nasional.
- Sabiq, Sayid. 2007. *Fiqh Sunnah*, Jakarta: Pena Pundi Aksara.
- Shamsuddin Suhor. 2007. *Anak Angkat dan Pengangkatan: Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia Undang-Undang Keluarga Sivil* . Jilid 9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsuddin Suhor. 2008. *Anak Angkat dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sridevi Thambapillary. 2002. Akta Kanak-Kanak 2001: Kesannya terhadap Undang-Undang Keluarga. *Journal of Malaysian and Comparative Law*. Isu No 1 Jilid 29. [www.commonlii.org](http://www.commonlii.org). 25hb November 2016.
- Syaukani, Muhammad. 1987. *Nail al Authar*. Mesir : Maktabah al Halabi.
- Toha Ma'arif. 2015. Peranan Maslahah Mursalah Terhadap Pengangkatan Anak di Pengadilan Agama. *Istinbath Jurnal Hukum Islam*. No 16,125-143.
- Zaidan, Abdul Karim . 2006. *Al Wajiz fi Usul Fiqh*. Beirut : Muassasah al Risalah Nasyirun.

- Zanariah Noor. 2017 . Pengangkatan Anak serta Implikasinya Terhadap Nasab, Hadanah, Nafkah dan Pusaka dalam Undang-undang Keluarga Islam. *Jurnal Perspektif*. Special Issue 1, 101-115.
- Zanariah Noor. 2010. Aplikasi Prinsip Kebajikan Kanak-Kanak Dalam Kes Hadanah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Vol 2, 63-81.
- Zanariah Noor. 2015. Penderaan Kanak-kanak oleh Ibu Bapa Penjaga dan Implikasinya Mengikut Undang-undang Sivil dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, *Jurnal Perspektif*. Jilid 7, 66-80.
- Zilal Saari dan Farahwahida Mohd Yusof. 2014. Penyusuan Anak Angkat : Satu Analisis. *Kertas Kerja dibentang di Persidangan Antarabangsa Keluarga Dari Perspektif Global*. Johor Bahru.

### **Senarai Statut**

- Akta Kanak-Kanak, 2001.
- Akta Memperbaharui Undang-Undang ( Perkahwinan dan Perceraian ) 1976.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah ( Wilayah-Wilayah Persekutuan ),1997.
- Akta Pendaftaran Pengangkatan, 1952.
- Akta Pengangkatan, 1952.
- Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah, 2004.
- Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah, 1992.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah,1995.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah,1992.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah, 2004.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah, 1988.
- Enakmen Kesalahan Syariah Melaka, 1991.
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak ,2001.
- Ordinan Pendaftaran Anak Angkat , 1952
- Ordinan Pengangkatan Sarawak ( Bab 91 ), 1942.
- Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, Brunei Darussalam, 2001.

## **Laporan Akhbar**

Farhana Daud. 2016. Angelina Jolie Ambil Anak Angkat Ke 7 dari Kemboja. [www.Eh.com.my](http://www.Eh.com.my), 14hb Januari.

Kemalia Othman. 2017. Wah! Hael Husaini Dah Jadi Ayah. Hiburan, [www.mstar.com.my](http://www.mstar.com.my). 20hb Jun.

Muhammad Apendy Issahak dan Nor Raidah Awang. 2017. Mutakhir: Lunyai Dibedal Keluarga Angkat, [www.h.metro.com.my](http://www.h.metro.com.my), 03hb Ogos.

Awani. 2017. Giliran Kembar di Melawi Pula Jadi Anak Angkat Madonna. Hiburan, [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com), 07hb Februari.

Malaymail. 2017. Court Rejects Two Malaysia Born Boys Citizenship Bids Insists Statelessness, [www.malaymail.com](http://www.malaymail.com), 16 March.

Kosmo. 2008. Prosedur Permohonan Anak Angkat. 7hb November.

Utusan. 2017. 697 Kes Pembuangan Bayi Dilaporkan Antara Tahun 2010-2016. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my). 25hb Julai.

## **Laporan-Laporan Kerajaan**

*Batasan Aurat Antara Anak Angkat Dengan Keluarga Angkat.* Jawatankuasa Fatwa, Majlis Ugama Islam Singapura.

*Child Adoption : Trends and Policies.* 2006. United Nation Publication : New York.

Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016.

Laporan Statistik Permohonan Pengangkatan Anak. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah. 2017.

## **Laman web**

Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Brunei, Skim Pengangkatan Kanak-Kanak Secara Sementara ( *Temporary Fostering* ), <http://www.japem.gov.bn>. 23hb September 2016.

Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga Singapura. Skim Penjagaan. <https://www.msf.gov.sg>. 23hb September 2016.

Laporan Kes. <https://www.cjlaw.com>.

Nurul Haziqah Abdul Halim. 2014. *Laporan Wacana Rusuhan Natrah Implikasi Terhadap Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia, <http://www.ukm.my>, 24hb November 2017.

Prosedur Permohonan Anak Angkat. [www.serian.sarawak.gov.my](http://www.serian.sarawak.gov.my). 19hb Februari 2016.

Prosedur Pengangkatan Anak. [www.jpn.gov.my](http://www.jpn.gov.my). 19hb Februari 2016.

### **Senarai kes**

Ahmad Bin Arshad dan seorang lagi terhadap Mohd Jamal Bin Mat Janin dan seorang lagi [2004] JH 20. 42-56.

Azizah Bt Shaik Ismail dan satu lagi lawan Fatimah Bt Shaik Ismail dan lain-lain [2003] 4 CLJ.

Jainah Bte Seman Iwn Mansur Bin Imam Mat [1951] 17 MLJ 234.

Nik Salma Zaidah Binti Haji Wan Zaid lawan Nik Hasnah Binti Nik Din & Nik Ruhya Zaidah Binti Wan Zaid [2002] JH 15. 143-148.

Tan Kui Lim & Lain-lain lawan Lai Sin Fah [1980] 1 MLJ 222.

Thow Seng Yeap, Thow Chow Goon dan satu lagi lawan Khor Kar Chooi dan satu lagi [1989] 3 MLJ 482.

Re Loh Toh Met (Si Mati), Kong Lai Fong dan lain-lain lawan Loh Peng Heng [ 1964 ] MLJ 234.

Rosnah Iwn Ibrahim [1979] JH Jilid 1. 261.

Wan Puziah Binti Wan Awang lawan Wan Abdullah Bin Muda dan seorang lagi [2001] JH 14. 235-277.

### **Senarai kes tidak dilaporkan**

Abdul Burhanudin Bin Sangkala dan Basmin Binti Rasid. Mahkamah Tinggi Syariah Tawau. No Kes : 12400-099-0752-2018.

Ani Binti Ambo Asah dan Bahri Abdul Hamid. Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu. No Kes : 12100-099-0070-2018.

Hyrude Bin Matimpan dan Siti Norarmah Binti Lamat. Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu. No Kes : 12100-099-0096-2018.

Mat Salleh Bin Ali dan Emiliana Binti Idris. Mahkamah Tinggi Syariah Sandakan. No Kes : 12300-099-0242-2016.

Md. Shofri Bin Samir. Mahkamah Tinggi Syariah Tawau. No Kes : 12400-099-0097-2017.

Nazeerah Shuhadah Madhawan Abdullah. Mahkamah Tinggi Syariah Tawau. No Kes : 12400-099-0750-2017.

Nurhazirah Binti Hussain. Mahkamah Rendah Syariah Papar. No Kes : 12010-040-0131-2018.

Siti Raja Binti Indasan. Mahkamah Tinggi Syariah Tawau. No Kes : 12400-099-0512-2017.

Sitti Noranizah Binti Abu Sakkar. Mahkamah Rendah Syariah Papar. No Kes : 12010-051-0223-2018.

Pedila Bin Daud dan Jamaliah Binti Tamin. Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu. No Kes : 12100-099-0970-2017.

## **Wawancara**

Ahadin Arinen. Mahkamah Tinggi Syariah, Tawau. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. *Wawancara*. 13hb April 2017.

Kassim Sauji. Mahkamah Tinggi Syariah, Tawau. Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah. *Wawancara*. 13hb April 2017.

Mohd Amin Tenreng. Tetuan Johari, Zelika & Amin. Peguam Syarie. *Wawancara*. 20hb April 2017.

Rizan Salikin. Mahkamah Tinggi Syariah Tawau . Pembantu Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah . *Wawancara*. 13hb April 2017.

Tawfik Ali. Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu. Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah. *Wawancara*. 15hb September 2017.

Zulfikri Abdul Wahab. Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah, Tawau. Pegawai Kebajikan. *Wawancara*. 27hb April 2017.